

**Kerajaan Perak Sumbang 10,000 Bungkusan Kuih Raya Kepada Pasukan Keselamatan Bernama
3 Ogos, 2012**

IPOH, 3 Ogos (Bernama) -- Kerajaan Perak dan Badan Amal dan Usaha Isteri Negeri Perak (Baiduri) pada Jumaat menyerahkan 10,000 bungkusan kuih raya kepada pasukan keselamatan negeri itu untuk diagihkan kepada anggota-anggota yang akan bertugas pada Hari Raya Aidilfitri.

Kotak makanan yang diisi dengan pelbagai jenis kuih dan masakan tradisional seperti nasi himpit, serunding, rendang tok, sambal kacang, kuih bakar dan kuih siput diagihkan kepada pasukan Markas 2 Briged, Polis Diraja Malaysia, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Pasukan Gerakan Am, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Tentera Udara Diraja Malaysia dan Unit Pencegahan Penyeludupan.

Menteri Besar Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir berkata sumbangan tersebut merupakan kesinambungan program yang diadakan setiap tahun sebagai tanda mengingati dan menghargai jasa serta pengorbanan pasukan keselamatan dalam menjaga keamanan negara tanpa mengira waktu.

"Dengan sumbangan kecil ini diharap sekurang-kurangnya dapat memberi kesedaran kepada masyarakat betapa pentingnya untuk mengingati sumbangan yang telah diberikan oleh pasukan keselamatan kepada negara ini," katanya kepada pemberita selepas majlis penyerahan bungkusan kuih raya itu di sini pada Jumaat.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=685356>

